

**TINJAUAN TAHAP PENGETAHUAN DAN PENGGUNAAN INTERNET BAGI
TUJUAN AKADEMIK: PELAJAR SEMESTER LIMA JABATAN
PERDAGANGAN POLITEKNIK UNGKU OMAR**

NOORUL AZLIZA BINTI AHMAD

**Kajian Kes Ini Dikemukakan
Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)**

**Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

SEPTEMBER 2001

DEDIKASI

Bingkisan Ilmu Ini Dititipkan Untuk:

*Emak, Abah dan Nenek serta Adik Dikasihi
Atas Dorongan dan Semangat Diberikan*

Terima Kasih Segalanya...

Tiada Harta di Dunia Yang Ternilai..

Untuk Kugambarkan Penghargaan Di Atas Kasih Sayang Kalian...



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Dengan lafaz “**Bismillahirrahmanirrahim: Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani**”

Alhamdulillah, segala puji bagi ALLAH S.W.T. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w. Dipanjatkan rasa kesyukuran kerana dengan izin dan kurnia-Nya maka sempurnalah kajian kes ini.

Penghargaan terima kasih tidak terhingga kepada En. Mohd. Yusop Ab. Hadi di atas segala tunjuk ajar dan bimbingan beliau dalam menghasilkan penulisan ilmiah ini. Tidak ketinggalan juga buat Puan Hajah Sarebah Warman yang telah memberi nasihat dan saranan dalam membantu meningkatkan mutu penulisan kertas kerja ini.

Jutaan terima kasih khas kepada Politeknik Ungku Omar khusus Tuan Pengetua, Mej. Ir. Tn. Hj. Mohammed Zakaria Mohd Noor dan Ketua Jabatan Perdagangan, Cik Nooraini Nuruddin. Rakaman penghargaan ikhlas ditujukan kepada pelajar Semester Lima, Jabatan Perdagangan yang terlibat sebagai responden kajian kes ini. Tidak lupa juga kepada para pensyarah yang terbabit semasa proses mengedarkan borang soal selidik.

Tidak dilupai penghargaan tulus ikhlas kepada rakan-rakan seperjuangan yang sudi memberikan komen membina. Akhir kata, semoga segala usaha dan bakti dicurahkan mendapat keberkatan daripada ALLAH S.W.T. Terima kasih dan wassalam.

ABSTRAK

Kajian kes ini bertujuan untuk meninjau tahap pengetahuan dan penggunaan Internet bagi tujuan akademik di kalangan pelajar. Di samping itu kajian ini juga memfokuskan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar terhadap pengetahuan dan penggunaan mengenai Internet. Populasi kajian kes ini ialah pelajar Semester Lima, Jabatan Perdagangan, Politeknik Ungku Omar. Sampel bagi kajian ini ialah seramai 118 orang iaitu 50 pelajar Diploma Pengurusan Perniagaan, 38 pelajar Diploma Akauntansi dan 30 pelajar Diploma Kewangan dan Perbankan. Soal selidik digunakan sebagai instrumen. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS). Dapatan daripada kajian ini menunjukkan tahap pengetahuan Internet responden adalah sederhana. Manakala tahap penggunaan Internet bagi tujuan akademik di kalangan responden adalah tinggi. Secara keseluruhan pelajar tidak mengalami masalah terhadap pengetahuan dan penggunaan Internet kecuali dalam beberapa aspek yang tertentu masih menjadi cabaran di kalangan pelajar.

ABSTRACT

The purpose of this research is to identify the student's level of knowledge and Internet usage for academy purpose. Besides that, the study is focusing towards the challenging of knowledge and Internet usage among students. Population for this case study were Fifth Semester student from Department of Commerce, Politeknik Ungku Omar. For this purpose 118 students have been selected which comprised 50 Students of Diploma in Business Studies, 38 students of Diploma in Accountancy and 30 students of Diploma in Banking and Finance. Instrumentation used is questionnaire method. Data acquired from the questionnaire were analyzed by using the software Statistical Package for Social Science (SPSS). The findings shown that the respondents have the moderate knowledge towards the Internet. Subjects also have high level of Internet usage for academy purpose. As a whole, the respondents have not experienced the problems regarding the knowledge and Internet usage. However the students are still hampered by the certain area of problems.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	x
	SENARAI RAJAH	xii
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB I	PENDAHULUAN	1
	1.0 Pendahuluan	1
	1.1 Latar Belakang Masalah	3
	1.2 Pernyataan Masalah	4
	1.3 Soalan Kajian	6
	1.4 Tujuan Kajian	6
	1.5 Definisi Istilah	7

1.5.1	Definisi Konsep	7
1.5.2	Definisi Operasional	8
1.6	Kerangka Teori	9
1.6.1	Huraian Kerangka Teori	10
1.7	Kepentingan Kajian	11
1.8	Skop Dan Limitasi Kajian	12
BAB II	SOROTAN KAJIAN	13
2.0	Pengenalan	13
2.1	Pengenalan Dan Sejarah Internet	13
2.2	Internet Dalam Pendidikan	16
2.3	Keistimewaan Pembelajaran Melalui Internet	17
2.4	Rumusan	19
BAB III	METODOLOGI PENKKAJIAN	21
3.0	Pengenalan	21
3.1	Reka Bentuk Kajian	21
3.2	Sumber Data	22
3.2.1	Data Primer	22
3.2.2	Data Sekunder	22
3.3	Responden	23
3.4	Instrumen Kajian	24
3.4.1	Bahagian Soal Selidik	25
3.4.2	Kaedah Pengumpulan Data	26
3.5	Kaedah Analisis Data	27
3.6	Kajian Rintis	28
3.7	Batasan Kajian	29
3.8	Andaian Kajian	29

BAB IV	ANALISIS DATA	30
	4.0 Pengenalan	30
	4.1 Tahap Pengetahuan Internet Di Kalangan Pelajar Bagi Tujuan Akademik	31
	4.2 Tahap Penggunaan Internet Di Kalangan Pelajar Bagi Tujuan Akademik	37
	4.3 Cabaran-Cabaran Tahap Pengetahuan Dan Penggunaan Internet Di Kalangan Pelajar	41
BAB V	KESIMPULAN DAN CADANGAN	49
	5.0 Pengenalan	49
	5.1 Kesimpulan	50
	5.1.1 Tahap Pengetahuan Internet Di Kalangan Pelajar Bagi Tujuan Akademik	50
	5.1.2 Tahap Penggunaan Internet Di Kalangan Pelajar Bagi Tujuan Akademik	51
	5.1.3 Cabaran-Cabaran Pengetahuan Dan Penggunaan Internet Di Kalangan Pelajar	52
	5.2 Cadangan Dan Saranan	54
	5.3 Cadangan Kajian Lanjutan	58
	5.4 Penutup	58
	RUJUKAN	59
	LAMPIRAN	
	Lampiran A – D	63 - 76

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Bilangan Pelajar Semester Lima Jabatan Perdagangan, Politeknik Ungku Omar	23
3.2	Skala Pemeringkatan Likert	26
4.1	Analisis Deskriptif Tahap Pengetahuan Dan Penggunaan Internet Di Kalangan Pelajar Bagi Tujuan Akademik	31
4.2	Analisis Deskriptif Tahap Pengetahuan Internet Di Kalangan Pelajar Bagi Tujuan Akademik	33
4.3	Jadual Kekerapan Jawapan Responden Bagi Item Pengetahuan Pelajar Menghantar Maklumat (Upload) Bagi Tujuan Akademik	34
4.4	Jadual Kekerapan Jawapan Responden Bagi Item Pengetahuan Pelajar Berkomunikasi Secara "Online" Dalam Mencari Maklumat Bagi Tujuan Akademik	35
4.5	Jadual Kekerapan Jawapan Responden Bagi Item Pengetahuan Pelajar Membina Laman Web Bagi Tujuan Akademik	36
4.6	Analisis Deskriptif Tahap Penggunaan Internet Di Kalangan Pelajar Bagi Tujuan Akademik	37

4.7	Jadual Kekerapan Jawapan Responden Bagi Item Penggunaan Internet Untuk Menghantar Maklumat (Upload) Bagi Tujuan Akademik	39
4.8	Jadual Kekerapan Jawapan Responden Bagi Item Penggunaan Internet Dengan Berkomunikasi Secara “Online” Bagi Tujuan Akademik	40
4.9	Jadual Kekerapan Jawapan Responden Bagi Item Penggunaan Internet Dengan Berdiskusi (Chatting) Bagi Tujuan Akademik	41
4.10	Analisis Deskriptif Cabaran-Cabaran Pengetahuan Dan Penggunaan Internet Di Kalangan Pelajar	42
4.11	Jadual Kekerapan Jawapan Responden Bagi Item Bilangan Komputer Yang Bersesuaian Untuk Penggunaan Internet	44
4.12	Jadual Kekerapan Jawapan Responden Bagi Item Masalah Berkaitan “Server”	45
4.13	Jadual Kekerapan Jawapan Responden Bagi Item “Privacy” Ketika Menggunakan Internet	45
4.14	Jadual Kekerapan Jawapan Responden Bagi Item Giliran Untuk Menggunakan Internet	46
4.15	Jadual Kekerapan Jawapan Responden Bagi Item Masa Yang Cukup Menggunakan Internet	47
4.16	Jadual Kekerapan Jawapan Responden Bagi Item Keperluan Kursus Internet Di Politeknik	48

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Tahap Pengetahuan Dan Dan Penggunaan Internet Di Kalangan Pelajar Bagi Tujuan Akademik	9



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Borang Soal Selidik	63
B	Dapatan Analisis Kebolehpercayaan	69
C	Dapatan Analisis Min, Dapatan Analisis Kekerapan Dan Keseluruhan Analisis Data	70
D	Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Daripada Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan	75



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Pendidikan di Malaysia akan menuju kepada kurikulum yang berorientasikan teknologi maklumat. Melalui penggunaan Internet dalam teknologi maklumat akan merealisasikan cita-cita negara untuk menjadi sebuah negara yang maju sejajar dengan visi dan misi Wawasan 2020. Kecanggihan teknologi maklumat telah membuka mata ramai pihak yang sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat moden hari ini. Pendidikan dilihat sebagai tunggak pemangkin kepada masyarakat berilmu dan berakhlak mulia (Berita Harian, 1999).

Pendidikan di negara ini menyambut baik ledakan teknologi maklumat yang memberikan tekanan bahawa perlunya perubahan-perubahan radikal dalam era pendidikan. Proses pengajaran yang berbentuk tradisional iaitu penyampaian di bilik kuliah kini telah bertukar kepada pengajaran secara bentuk dalam talian (online) atau secara maya (virtual). Kalau dahulu pelajar perlu ke perpustakaan untuk mencari rujukan teks kini dengan mengakses Internet segala maklumat diperolehi dengan mudah dan cepat. Kementerian Pendidikan juga berhasrat untuk menjadikan maklumat di Internet sebagai bahan untuk mengajar di sekolah-sekolah dan diperluaskan ke seluruh negara dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh (Ramlan, 1996).

Ramlan (1996) menyatakan bahawa Internet merupakan satu inovasi dalam proses pembelajaran di mana para pendidik dan pelajar saling berpeluang menimba ilmu dan bertukar-tukar maklumat melalui komputer. Objektif utama adalah untuk mengembangkan minda dan pengetahuan di samping menggalakkan pelbagai aktiviti kreatif dan inovatif untuk memperkayakan proses pembelajaran. Bagi mencapai objektif berkenaan para pendidik harus memastikan pelajarannya sentiasa menghayati dan mengamalkan nilai mulia supaya mempunyai sistem nilai yang kukuh semasa menggunakan Internet dan dapat mengawal diri daripada melakukan perkara yang menyalahi nilai murni masyarakat timur (Hizral, 2000).

Tidak terkecuali juga bagi para pelajar yang menuntut di politeknik wajar menggunakan kemudahan Internet untuk mengakses maklumat dalam melicinkan proses pembelajaran. Dalam konteks pendidikan, teknologi Internet membuka dimensi baru tanpa sempadan ruang dan masa. Pelajar boleh berkomunikasi dengan pensyarah walaupun kedudukan masing-masing adalah jauh beribu-ribu batu. Bahan kuliah juga dapat dicapai dengan melayari serta dapat disimpan dan diulang sekerap perlu. Maklumat dalam Internet mewakili perpustakaan maklumat terbesar. Netcraft. Com menganggarkan terdapat bahawa 9.5 juta hos komputer dalam Internet manakala Mids.org pula menganggarkan 68 juta hos Internet sehingga kini (Khairudin, 2000).

Merujuk Najib (1997), pendekatan pembelajaran melalui Internet dapat memberi peluang kepada pelajar memperoleh maklumat yang tepat dan cepat pada setiap waktu. Disebabkan Internet berfungsi sebagai alat penyebar maklumat maka tidak mustahil para pelajar juga terdedah kepada sebarang maklumat yang boleh merosakkan pelajar itu sendiri. Tidak dinafikan Internet juga memberikan kesan negatif jika disalahgunakan. Oleh itu sistem pendidikan menggesa supaya para pendidik dapat mengawal pelajar serta mendidik mereka agar mampu membuat penapisan sendiri ketika melayari Internet.

Menurut Sulaiman (1995), dalam Shahril dan Habib (1999) abad ke 21 bukan sahaja memerlukan pendidik melahirkan insan yang berpengetahuan dan kemahiran tinggi dalam bidang industri dan teknologi, pengurusan dan perdagangan tetapi juga harus menghasilkan insan yang mempunyai sistem nilai dan etika, serta akhlak yang baik, berperibadi mulia, bertanggungjawab, patuh kepada Tuhan serta berkemampuan untuk membangunkan masyarakat dan negara.

Pernyataan-pernyataan di atas menunjukkan bahawa Internet berpotensi untuk meningkatkan lagi kecemerlangan pendidikan di negara ini kerana Internet mempunyai peranannya sendiri untuk mencapai matlamat tersebut. Malah politeknik-politeknik juga boleh dijadikan sebagai pusat kecemerlangan untuk mempamerkan inovasi dalam bidang pendidikan. Penggunaan Internet sebagai alat pembelajaran sepenuhnya perlu diperkembangkan dari semasa ke semasa supaya sejajar dengan matlamat negara supaya rakyatnya adalah celik komputer dan dapat menguasai teknologi maklumat.

Manakala mengenai ketepatan bahan Internet memerlukan pemantauan dan Internet tidak boleh ditapis secara keseluruhan maka benteng terakhir ialah pembangunan rohaniah individu seperti digariskan Falsafah Pendidikan Negara. Pembinaan unsur-unsur rohani adalah bagi membolehkan individu dapat menginsafi kewujudan dan membentuk akhlak yang mulia. Di samping itu insan yang berakhlak mulia mempunyai pengetahuan tentang nilai-nilai baik dan buruk, mempunyai keyakinan terhadap nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan (Shahril dan Habib, 1999).

1.1 Latar Belakang Masalah

Pembelajaran di peringkat pengajian tinggi seperti di politeknik dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) masih mengekalkan lagi pembelajaran berbentuk fizikal iaitu mirip pengajaran dalam bilik kuliah. Menurut Jamaludin (2000), dengan adanya Internet

paradigma pengajaran dan pembelajaran kini telah berubah. Proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas hanya menghadkan kepada penyampaian pensyarah kepada para pelajarnya. Namun dengan munculnya Internet, jangkauan terhadap ilmu dan maklumat akan menjadi lebih efisien apabila disebarkan melalui Internet.

Walaupun pembelajaran di politeknik perlu akur dengan kurikulum yang menggariskan sebahagian besar pengajaran dilaksanakan dalam bilik darjah, para pensyarah dan pelajar wajar mengambil inisiatif untuk menggunakan Internet sebagai bahan rujukan maklumat. Pemanfaatan kemudahan Internet dan menggunakannya sebaik mungkin kerana Internet mempunyai “cost benefit” yang tinggi berbanding dengan rujukan teks di perpustakaan.

Sekiranya maklumat di Internet dapat membantu pelajar dalam proses pembelajaran maka ada beberapa ciri perlu dikenal pasti iaitu tahap pengetahuan dan penggunaan Internet supaya dapat dipastikan bahawa dengan adanya kemudahan Internet secara meluas yang disediakan oleh pihak pentadbiran dan pengurusan dapat dimaksimumkan dengan kapabiliti pelajar itu sendiri dengan mewujudkan pembelajaran yang berkesan.

1.2 Pernyataan Masalah

Tidak dinafikan bahawa dalam setiap peringkat masyarakat, sama ada individu, kerajaan, organisasi awam dan swasta menyedari kepentingan Internet dalam menyalurkan maklumat dengan cepat, mudah dan berkesan. Walaupun Internet membekalkan berjuta-juta maklumat, akan tetapi bukan semua di antara pelajar yang celik mengakses Internet untuk mendapatkan maklumat supaya maklumat yang diinginkan akan diperolehi.

Bagi tujuan akademik pelajar harus mengeksploitasikan maklumat dengan menggunakan Internet yang merupakan sumber yang tidak terhad digunakan oleh pelajar. Hakikatnya pelajar juga masih menghadapi masalah kurang pengetahuan menggunakan Internet dalam mencari maklumat untuk tujuan akademik atau pun sebagai kegunaan harian. Di samping itu pelajar juga menghadapi kekangan-kekangan tertentu seperti batasan pengetahuan pelajar, kefahaman mengenai penggunaan Internet dan masalah-masalah teknikal.

Berdasarkan pernyataan di atas pengkaji telah mengkaji secara terperinci sejauh manakah tahap pengetahuan dan penggunaan Internet pelajar bagi tujuan akademik di kalangan pelajar khususnya pelajar Semester Lima, Jabatan Perdagangan, Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak. Kajian ini dilakukan kerana memandangkan tiada kajian sebelumnya dijalankan di kalangan pelajar politeknik. Pendedahan ke atas pengetahuan dan penggunaan Internet kepada bakal graduan politeknik adalah merupakan “added value” dan sebagai persediaan supaya berupaya bersaing dalam pasaran pekerjaan secara efektif. Kedudukan Politeknik Ungku Omar sebagai politeknik yang paling “senior” wajar dijadikan sebagai politeknik perintis untuk kajian ini. Manakala pelajar daripada Jabatan Perdagangan pula merupakan bakal-bakal eksekutif yang akan mengaplikasikan penggunaan Internet dan teknologi maklumat dalam dunia perniagaan dan kewangan.

Politeknik amnya dan Politeknik Ungku Omar khasnya merupakan sebuah institusi teknik dan vokasional yang perlu responsif kepada perubahan teknologi maklumat khususnya Internet. Kajian kes ini cuba mencari jawapan bagi persoalan yang dikemukakan.

1.3 Soalan Kajian

Berpandukan pernyataan masalah, pengkaji mengutarakan soalan-soalan kajian berikut:

- a) Sejauh manakah tahap pengetahuan di kalangan pelajar mengenai Internet dalam mencari maklumat bagi tujuan akademik?
- b) Sejauh manakah tahap penggunaan Internet di kalangan pelajar dalam mencari maklumat bagi tujuan akademik?
- c) Apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelajar tentang pengetahuan dan penggunaan Internet?

1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan dan penggunaan Internet bagi tujuan akademik pelajar Semester Lima, Jabatan Perdagangan, Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak. Kajian ini meninjau sama ada pelajar menggunakan Internet dan mengetahui maklumat-maklumat yang diperolehi daripada Internet boleh membantu mereka bagi tujuan akademik. Kajian ini juga memfokuskan kepada cabaran-cabaran yang dihadapi di kalangan pelajar tentang pengetahuan dan penggunaan Internet.

1.5 Definisi Istilah

1.5.1 Definisi konsep

Definisi perkataan yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

(a) Tahap

Merujuk kamus Dewan (1998) tahap ialah peringkat atau tingkat.

(b) Pengetahuan

Mengikut kamus Dewan (1998) pengetahuan ialah perihal mengetahui dan apa-apa yang diketahui.

(c) Penggunaan

Merujuk kepada perihal menggunakan sesuatu (Kamus Dewan, 1998).

(d) Internet

Internet adalah di dalam bahasa Inggeris adalah singkatan kepada "International Networking". Internet adalah kumpulan atau jaringan dari jaringan komputer yang ada di seluruh dunia. Dalam hal ini komputer yang dahulunya "stand alone" dapat berhubungan langsung dengan host-host atau komputer-komputer yang lainnya (Berita Harian, 1999).

(e) Tujuan

Maksud, kehendak dan sasaran (Kamus Dewan, 1998).

(f) Akademik

Merujuk kamus Dewan (1998), ditakrifkan sebagai bersifat atau mengandungi ilmu pengetahuan yang mendalam.

1.5.2 Definisi Operasional

Definisi perkataan yang digunakan dalam kajian ini adalah seperti berikut:

(a) Tahap Pengetahuan

Mengukur ilmu yang diperolehi atau didapati daripada sesuatu sumber dan menjelmakan ilmu tersebut kepada bentuk amalan dan tingkah laku untuk menjamin keberkesanan ilmu yang diperolehi. Dalam konteks kajian ini, bermaksud tahap pengetahuan pelajar menggunakan Internet dalam mencari maklumat.


(b) Tahap Penggunaan

Pelajar mengambil faedah daripada penggunaan Internet untuk mencari maklumat yang ingin diperolehi bagi tujuan akademik.

(c) Tujuan Akademik

Pelajar melayari Internet dengan bertujuan untuk mencari bahan-bahan yang berkaitan dengan akademik yang relevan dengan bidang yang diceburinya.

1.6 Kerangka Teori



Rajah 1.1: Kerangka Tahap Pengetahuan dan Penggunaan Intenet di Kalangan Pelajar Bagi Tujuan Akademik

1.6.1 Huraian Kerangka Teori

Merujuk kepada Gagne dalam Ee Ah Meng (1990) proses pembelajaran terdiri daripada beberapa fasa, iaitu motivasi, jangkaan, perolehan ingatan kembali, gerak balas atau prestasi dan generalisasi atau pemindahan pembelajaran. Pelajar lebih bermotivasi untuk belajar dalam suasana yang kondusif di mana pelajar kadang kala bosan dan seterusnya tidak bermotivasi dengan suasana pembelajaran yang berbentuk tradisional. Misalnya, pensyarah memainkan peranan utama dalam bilik kuliah dan pengajaran adalah berdasarkan kepada berpusatkan pengajar. Pembelajaran dengan menggunakan kemudahan komputer akan meningkatkan prestasi pelajar apabila peranan Internet yang menjanjikan sumber maklumat yang luas dan sikap positif Internet sebagai maklumat penting terhadap penggerak sikap pelajar terhadap pembelajaran (Desev 1997).

Di samping itu, latar belakang pelajar dan pengalaman pelajar tersebut menggunakan komputer dan mengakses Internet juga menyumbang kepada faktor pengetahuan dan penggunaan Internet. Ini dinyatakan oleh Holte (1994) bahawa bahan dan aktiviti pembelajaran berasaskan Internet dapat membantu pembelajaran pelajar. Pelajar boleh menggunakan kemudahan di Internet bagi tujuan akademik dengan berinteraksi menggunakan e-mel, "chatting", melayari laman web pendidikan, kelas maya dan enjin pencari maklumat.

Galakan dan dorongan daripada pensyarah juga memainkan peranan penting untuk memotivasikan kepada pelajar supaya memanfaatkan pengetahuan dan penggunaan Internet bagi tujuan akademik. Misalnya pensyarah menyarankan pelajar mengambil inisiatif untuk mencari artikel dan jurnal-jurnal akademik dengan melayari Internet. Pelajar boleh berhubung dengan rakan menerusi e-mel untuk mencari bahan tugas di Internet. Penghantaran maklumat menerusi Internet memberi peluang kepada pelajar untuk menulis dengan baik tanpa rasa kekok terhadap kesalahan tatabahasa.

1.7 Kepentingan Kajian

Pengkaji menjangkakan agar kajian ini dapat memberikan kepentingan kepada pihak-pihak tertentu seperti berikut:

- a) Persoalan kajian yang meninjau tahap pengetahuan Internet di kalangan pelajar politeknik amnya dan Politeknik Ungku Omar khususnya diharap dapat memberikan gambaran mengenai tahap pengetahuan pelajar tersebut mengenai Internet. Memandangkan Internet menjadi sebahagian daripada kepesatan teknologi maklumat maka proses pengajaran dan pembelajaran perlu diseiringkan dengan pengetahuan terhadap teknologi tersebut. Pengkaji berharap agar tahap pengetahuan pelajar terhadap Internet akan dapat dikenal pasti supaya dapatan kajian ini akan memberikan inisiatif kepada pelajar di politeknik amnya dan Politeknik Ungku Omar khasnya untuk meningkatkan pendedahan pengetahuan mengenai Internet.
- b) Dari aspek penggunaan Internet pula, pengkaji berharap agar pelajar dapat mempertingkatkan kemahiran menggunakan Internet untuk mengendalikan pembelajaran mereka sendiri. Kemahiran pelajar mengendalikan peralatan teknologi seperti komputer adalah untuk memudahkan pelajar meraih maklumat di Internet. Justeru itu sebagai persediaan kepada bakal graduan yang akan berada di alam pekerjaan kelak harus memiliki kemahiran menggunakan Internet bagi pembangunan sumber manusia akan datang.
- c) Persoalan kajian yang meninjau masalah-masalah mengenai batasan pengetahuan pelajar tentang Internet, kefahaman penggunaan Internet dan masalah-masalah teknikal akan dapat dikenal pasti dan cadangan-cadangan tertentu untuk mengatasi masalah ini akan dikemukakan kepada pihak pengurusan Politeknik Ungku Omar. Dapatan kajian diharapkan akan dapat membantu pihak pentadbiran politeknik berkenaan untuk meningkatkan kemudahan komputer yang sedia ada untuk mengakses Internet dan seterusnya

dapat mempertingkatkan lagi minat pelajar terhadap Internet dan teknologi maklumat.

1.8 Skop dan Limitasi Kajian

Pengkaji menumpukan kajian kepada para pelajar Semester Lima, Jabatan Perdagangan, Politeknik Ungku Omar, Ipoh Perak Darul Ridzuan serta tidak mengambil kira pelajar-pelajar daripada tahun-tahun lain dan jabatan-jabatan yang lain. Kajian yang dijalankan adalah terbatas kepada aspek-aspek yang hendak dikaji iaitu tahap pengetahuan dan penggunaan Internet sahaja. Skop kajian yang dinyatakan adalah sebagai garis panduan kepada pengkaji supaya tidak terpesong daripada tujuan kajian yang sebenar.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

RUJUKAN

- Berita Harian.(1999).“Belajar Sepanjang Hayat Melalui Internet”. Retrieved 21st February on World Wide Web:<http://www.jalanan.jaring.my/september99.html>
- “CikguNet: Pemangkin Kecemerlangan e-Pembelajaran”. Retrieved on 21st February 2001 on World Wide Web:<http://www.cikgunet/about-us.php3>.
- Abdullah Hassan.(1998). “Universiti Maya”. Dewan Siswa Februari. 56-57.
- Aizam Daim.(2000). “Sejarah Internet”. Retrieved 21st February 20001 on World Wide Web:<http://aizamdaim.virtualave.net/internet.html>
- Collins & Anderson. (1994). “Computer Literacy for The 1990s”. Theoretical Issues For An International Assesment Computer in Schools. II (2): 55-67.
- Cooper, D.R. (1998). “The Research Process: Business Research Method”. McGrawHill International.
- Dalen. (1979). “Education Research”. New York: Alfred & Knopf.
- Desity, D.E. (1997). “The Internet and Education”. Some Lessons in Privacy and Pitfalls, Educational Technology 37(3) 49-52.
- Ee Ah Meng. (1990).“Pedagogi Satu pengenalan”. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hajah Noresah Baharom. (1998). Kamus Dewan Edisi Baru. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Hasimah Haji Mohamed dan Muhamad Rafie Haji Mohd.Arshad. (1994).
“Pengajaran Bantuan Komputer (CAI) Multimedia Interaktif Untuk Pengajian Literasi Komputer”. EDUCOMP. Jun 45-52.
- Hizral Tazzif Hisham. (2000).“Peranan Guru dalam Era ICT”. Retrieved 23rd February 2001 on World Wide
Web:<http://www.cikgunet/edisimerdeka/peranan.php3>
- Holte. (1994). “Making Network Connections: The St. Louis Par Schools Story”.The Computing Teacher.22. 34-36.
- Jamaludin Mohaiadin. (2000).“Kesedaran dan Kefahaman Pembelajaran Maya”.
Prosiding Konvensyen Pendidikan. Skudai:Universiti Teknologi Malaysia.
- Khairudin Hashim. (2000).“IT dalam Perdagangan dan Komunikasi”. Retrieved 21st January 2001 on World Wide
Web:<http://www.utusan.com.my/utusan/archieves/03-02-2000/utusan-malaysia/Life-style/is6-full.htm>
- Krejcie R. V dan Morgan, D.W. (1970). “Determining Sample Size for Research”. Educational and Psychological Measurement. 30. 607-610.
- Laver, M. (1989). “Information Technology : Agent of Change”. University Press, Cambridge.
- Miller, D.C. (1991). “Handbook of Research Design and Social Measurement”. Newbury Park, California: Sage Publications Inc.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). “Penyelidikan Pendidikan”. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd. Majid Konting. (1990). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nawi Ab Rahman. (2000). "Teras Penyelidikan". Selangor Universiti Putra Malaysia.
- Mohd. Salleh Abu dan Zaidatun Tasir. (2001). "Pengenalan Kepada Analisis Data Berkomputer SPSS 10.0". Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Mohd. Sheffie Abu Bakar. (1991). "Metodologi Penyelidikan". Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Najib Abdul Razak (1997). "Teks Ucapan Najib". Retrieved on 13th February 2001 on World Wide Web: <http://www.tmsol.my/pelancaran/najib.htm>
- Norafida Ithnin dan Othman Ibrahim.(2000). "E-Pembelajaran Secara Langsung (Live E-Learning) Dalam Pembelajaran Maya".
- Nor Hashim Abu Samah, Mazenah Youp dan Rose Alinda.(1996). "Pengajian Bantuan Komputer". Dewan Bahasa Pustaka dan Universiti Teknologi Malaysia.
- Ramlan Abd Wahab. (2000). "K-ekonomi Tidak Terhad Penggunaannya". Retrieved on 21st February 2001 on World Wide Web: <http://www.utusan.com.my/utusan/archieve/30-03-2000/utusan>
- Ramlan Goddos. (1996). "Internet dan Sekolah: Isu dan Permasalahan". Retrieved on 23rd January 2001 on World Wide Web: <http://www.ids.org.my/homepage/Publications/Research Paper/Articles/review39.htm>

Shahril @ Charil Marzuki dan Habib Mat Som. (1999). "Isu Pendidikan di Malaysia, Sorotan dan Cabaran". Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Sidi Gazalba, Drs. (1981). "Pembimbing Latihan Ilmiah dan Tesis". Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Sulaiman Ngah Razali. (1996). "Analisis Data Dalam Penyelidikan Pendidikan". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Uma Sekaran. (1992). "Research Methods For Business: A Skill Building Approach". 2nd ed. Canada: John Wiley & Sons, Inc.

Zaharatul Akmar Ahmad Zainudin. (2000). "Pandangan Pensyarah dan Siswa Siswi Terhadap Penggunaan Peta Minda Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di ITTHO". Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan.

Zoraini Wati Abas. (1996). "Internet untuk Pendidikan". Johor Bahru :Seminar Internet Dalam Pendidikan.



PTTHM
PERPUSTAKAAN TUN HUSSEIN ONN